



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 17/1976**

**Merizabkan Tanah Di Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok
(*Group Settlement Area*) Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan
(Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 17/1976**

**Merizabkan Tanah Di Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok
(*Group Settlement Area*) Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai kuasa merizabkan tanah di dalam kawasan penempatan berkelompok untuk digunakan oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Bahawa terdapat beberapa kawasan tanah di dalam kawasan penempatan berkelompok yang telah diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan. Tindakan seperti itu oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah bercanggah dengan peruntukan seksyen 10, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menyatakan iaitu pemberian milik sesuatu '*rural holding*' atau '*urban holding*' hanyalah boleh dibuat masing-masing menurut peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang tersebut iaitu peruntukan seksyen 14 dan seksyen 27.

3. Jabatan Peguam Negara telah memberi nasihat bahawa pemberian milik menurut peruntukan seksyen-seksyen tersebut hanyalah untuk tujuan yang ditetapkan oleh undang-undang tersebut sahaja dan tidak untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan. Perkataan-perkataan '*public utility*' dalam subseksyen 7(3) ditujukan kepada penggunaan tanah untuk kemudahan-kemudahan awam seperti mengadakan kuasa elektrik, air, gas, kenderaan dan lain-lain dan tidak termasuk penggunaan tanah untuk Kerajaan Persekutuan. Jika Kerajaan Persekutuan berkehendakkan sekeping tanah di dalam kawasan penempatan berkelompok untuk kegunaan awam, cara memperolehnya ialah dengan menjadikan tanah itu sebagai tanah rizab menurut peruntukan seksyen 8 undang-undang tersebut.

4. Pentadbir Tanah dinasihatkan bahawa selepas sesuatu kawasan diisytiharkan menurut salah satu daripada seksyen-seksyen Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, maka tiap-tiap keping tanah di dalamnya yang dikehendaki untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan perlulah dijadikan rizab menurut seksyen 8:-

- (a) Kawasan yang diisytiharkan menurut subseksyen 3(1);
- (b) Kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan penempatan berkelompok menurut seksyen 4.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan